

SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN PEGAWAI UPM

OLEH

Abdul Rahim Bin Utar

Ketua Seksyen Perubatan dan Perhubungan Pekerja

Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar

(16 Februari 2017)

BAHAGIAN PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR

- Seksyen Saraan dan Prestasi
- Seksyen Cuti dan Persaraan
- **Seksyen Perubatan dan Perhubungan Pekerja**

PERKHIDMATAN BERKAITAN SUMBER MANUSIA

SEKSYEN

PERUBATAN DAN PERHUBUNGAN PEKERJA

PERKHIDMATAN

- 1) Pengurusan tuntutan Klinik Panel, IJN, LPPKN, Homodialisis, rawatan, pergigian (Pej. Pendaftar shj), perubatan staf dan pesara
- 2) Pengurusan lantikan Klinik Panel/Pusat Rawatan Hemodialisis,

PERKHIDMATAN BERKAITAN SUMBER MANUSIA

SEKSYEN

PERUBATAN DAN PERHUBUNGAN PEKERJA

PERKHIDMATAN

- 3) Urus Setia Lembaga Perubatan universiti
- 4) Urus Setia JK Perubatan UPM
- 5) Pengurusan/kemas kini tanggungan perubatan
- 6) Pengurusan pakaian seragam dan pakaian keselamatan
- 7) Urusetia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bersama Kesatuan dan Persatuan

PERKHIDMATAN BERKAITAN SUMBER MANUSIA

SEKSYEN

PERUBATAN DAN PERHUBUNGAN PEKERJA

PERKHIDMATAN

- 8) Urus Setia JK Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pejabat Pendaftar)
- 9) Pengurusan Hari Khidmat Pelanggan UPM
- 10) Pengurusan Pelbagai/Am
 - a) Pengesahan majikan
 - b) Pengesahan bujang
 - c) Pengurusan pinjaman perumahan
 - d) Tuntutan elaun perpindahan
 - e) Pengeluaran KWSP
 - f) Pengurusan kuarters UPM
 - g) Bantuan kebajikan staf

SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN PEGAWAI UPM

PENGENALAN

Skim Kemudahan Perubatan Pegawai Universiti Putra Malaysia (UPM) bertujuan untuk menetapkan kemudahan-kemudahan perubatan yang dibiayai oleh Universiti Putra Malaysia untuk pegawai dan pesara yang menerima pencen serata ahli keluarga mereka yang berkelayakan serta kaedah pentadbiran yang berkaitan dengannya.

KEMUDAHAN MENDAPAT RAWATAN

Dalam memastikan kesihatan staf berada pada tahap yang optima dari segi mental dan fizikal, UPM menyediakan **Skim Kemudahan Perubatan** kepada staf dan tanggungan:

- Perkhidmatan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
- Klinik Panel (135 di Kampus Serdang dan 7 di Kampus UPMKB)
- Hospital Kerajaan
- Pusat Rawatan Dialisis 15 dan 2 di UPMKB
- Institut Jantung Negara dan
- Hospital swasta bagi kes-kes tertentu dengan kelulusan pihak Pengurusan Universiti.

TAFSIRAN

Pegawai

Merujuk kepada pegawai lantikan tetap, kontrak, sementara, pinjaman ke UPM atau yang syarat pelantikannya melayakkan mendapat faedah kemudahan perubatan.

Tanggung

a) Isteri-isteri atau suami yang sah.

b) Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang dengan syarat bahawa anak itu;-

- berumur di bawah 18 tahun
- anak yang masih menerima pendidikan secara sepenuh masa disyaratkan berumur di bawah 21 tahun.
- anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani tidak dikenakan had umur.

Ibu bapa

Merujuk kepada ibu bapa yang sah termasuk ibu bapa tiri dan ibu bapa angkat yang sah selagi pegawai masih berkhidmat di dalam perkhidmatan universiti secara tetap.

Pesara

Merujuk kepada pegawai yang memilih skim pencen dan telah menamatkan perkhidmatan dengan universiti sama ada bersara wajib atau bersara pilihan berserta tanggungan.

SYARAT KELAYAKAN

Berdaftar

Merujuk kepada seseorang pegawai dan tanggungannya boleh mendapat faedah kemudahan perubatan di bawah skim ini hanya setelah mereka mendaftar dengan pihak Universiti.

Surat Jaminan Dan Akuan Majikan

Pegawai atau tanggungannya yang ingin mendapatkan rawatan perubatan di hospital kerajaan hendaklah mendapatkan Surat Akuan daripada Pusat Tanggungjawab masing-masing. Surat Akuan sah digunakan bagi tempoh **tiga bulan** dari tarikh dikeluarkan.

Buku Rawatan

Setiap pegawai yang layak akan diberikan dua buah “Buku Rawatan”, iaitu sebuah untuk kegunaan pegawai sendiri dan yang sebuah lagi untuk kegunaan tanggungan. Buku rawatan ini digunakan untuk mendapatkan rawatan di klinik panel. **(Telah dimansuhkan dan digantikan dengan Pembangunan Sistem Pengurusan Perubatan UPM secara *online*) / 2012**

KEMUDAHAN PERUBATAN PEGAWAI SAMBILAN

Lantikan

Merujuk kepada pegawai dilantik secara bukan tetap bagi tempoh tidak melebihi setahun dengan kadar gaji harian.

Kelayakan

- a) Pegawai Sahaja
- b) Surat jaminan dikeluarkan oleh PTJ dalam tempoh tiga hari dari tarikh dikeluarkan.

Rawatan yang ditanggung

- a) Rawatan pesakit luar di Pusat Kesihatan Luar Universiti.
- b) Rawatan di klinik/ hospital Kerajaan.
- c) Kelayakan wad adalah kelas kedua.

KEMUDAHAN PERUBATAN DI HOSPITAL/ KLINIK KERAJAAN DAN HOSPITAL UNIVERSITI

Kelayakan

- a) Pegawai b)Tanggungan c) Ibu bapa d) Pesara

Rawatan yang ditanggung

- a) Semua kemudahan perkhidmatan perubatan yang diterima.
b) Imunisasi kanak-kanak yang diwajibkan oleh KKM
c) Rawatan bersalin
d) Rawatan yang ditanggung dan diperakukan oleh Peg. Kem. Kesihatan (PKK) dibekalkan adalah seperti di bawah:
i) Pembelian ubat yang dipreskripsi.
ii) Pembekalan alat ortopedik kecuali untuk ibu bapa.
iii) Pembekalan anggota palsu kecuali ibu bapa.
iv) Pembelian kerusi roda kecuali untuk ibu bapa.
v) Pembekalan alat bantu pendengaran kecuali untuk ibu bapa
vi) Pembekalan alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, *colostomy bag*, *urine bag* dan *intraocular lens* kecuali ibu bapa

Rawatan yang tidak di tanggung :

- a) Pembekalan makanan tambahan
- b) Perubatan alternatif
- c) Rawatan kosmetik
- d) Perancang keluarga
- e) Permohonan perbelanjaan untuk tujuan baik pulih alat bagi tujuan baik pulih atau sebarang alat perubatan yang rosak akibat kecuaian
- f) Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan/penggantian/baik pulih alat perubatan bagi tujuan kosmetik
- g) Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan/penggantian/baik pulih alat bagi tujuan rawatan kepada penyakit yang dihadapi
- h) Rawatan ibu bapa:
 - i. Rawatan untuk ibu bapa yang tidak bermastautin di Malaysia
 - ii. Rawatan perubatan luar negara
 - iii. Rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit
 - iv. Pembekalan semua jenis/ kategori alat

KELAYAKAN WAD

Tiada bayaran wad dikenakan kepada pegawai dan pesara, ahli keluarga dan ibu bapa yang sah semasa mendapatkan rawatan di Hospital Kerajaan.

Kumpulan/Gred	Kelayakan Wad
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang
45-54	Kelas 1 Bilik Seorang
31-44	Kelas 1 Bilik Berdua
21-30	Kelas 1 Bilik Bertiga
1-20	Kelas 2

L

KEMUDAHAN PERUBATAN DI KLINIK PANEL UPM

Rawatan yang ditanggung terhadap kepada **RM45.00** sahaja untuk sekali rawatan melibatkan pegawai dan tanggungan.

Rawatan yang ditanggung:

- a) Rawatan Pesakit Luar
- b) Rawatan antenatal dan postnatal
- c) Imunisasi kanak-kanak yang diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- d) Ujian asas darah dan air kencing

KEMUDAHAN PERUBATAN DI KLINIK PANEL UPM

Rawatan yang ditanggung terhadap kepada **RM45.00** sahaja untuk sekali rawatan melibatkan pegawai dan tanggungan.

Rawatan yang tidak ditanggung:

- a) Rawatan Pakar
- b) Rawatan bersalin
- c) Berkhatan
- d) Pil mengurus/ menggemukkan badan
- e) Rawatan kosmetik
- f) Mencegah kehamilan
- g) Rawatan penagihan dadah

KEMUDAHAN RAWATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Kelayakan :

- a) Pegawai
- b) Tanggungan
- c) Ibu bapa
- d) Pesara

Rawatan yang ditanggung:

- a) Bayaran perundingan atau pemeriksaan yang dilakukan
- b) Bayaran ubat yang dipreskripsikan oleh Pegawai Perubatan di PKU
- c) Bayaran untuk pembedahan kecil dan ujian diagnostik yang diperakukan sebagai perlu oleh Pegawai Perubatan di PKU

RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA

Kelayakan

- a) Pegawai
- b) Tanggungan
- c) Ibu bapa
- d) Pesara

Rawatan yang ditanggung:

- a) Mendapat rawatan di hospital/klinik Kerajaan atau swasta.
- b) Dirujuk oleh pakar perubatan umum/pakar kardiologi di hospital/klinik Kerajaan swasta ke IJNSB.
- c) Memohon surat jaminan (GL) dari PTJ dengan menyertakan surat rujukan yang diterima.

RAWATAN KEMANDULAN

Kelayakan

- a) Pegawai
- b) Suami/isteri
- c) Pesara

Rawatan yang ditanggung:

- a) Mendapat rawatan di hospital/klinik Kerajaan atau klinik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.
- b) Rawatan bagi mengatasi *primary infertility* sahaja (tidak pernah mengandung atau menghadapi kesukaran mengandung).
- c) Memohon surat jaminan (GL) dari PTJ.

Rawatan yang tidak ditanggung:

- a) Rawatan untuk menjalani proses mengandung secara bukan semula jadi seperti proses In Virto Fertilisation (IVF). Gemete Intra-Fallopian Transfer (GIFT), Intra Cytoplasmic Sperm Injection (ICSI) dan sebagainya.

- b) Rawatan secondary infertility (telah mempunyai anak tetapi gagal mendapat anak kedua atau seterusnya)

RAWATAN KEPAKARAN SWASTA

Kelayakan

- | | |
|---------------|-------------|
| a) Pegawai | c) Ibu bapa |
| b) Tanggungan | d) Pesara |

Syarat permohonan

- Keperluan rawatan kepakaran diperakukan oleh Pakar
- Perubatan Kerajaan dan Ketua Pengarah Kesihatan
- Malaysia mengesahkan rawatan kepakaran diperlukan
- tidak dapat dibekalkan/ disediakan oleh hospital Kerajaan.

Kos yang ditanggung adalah:

- i. Kos rawatan hospital
- ii. Bayaran wad dan makanan sebanyak 80%

RAWATAN KECEMASAN

Kelayakan

- a) Pegawai
- b) Tanggungan
- c) Ibu bapa
- d) Pesara

Syarat permohonan :

- a) Rawatan di hospital/ klinik swasta yang berhampiran dengan tempat kejadian kecemasan dengan syarat rawatan diperlukan secara serta-merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit dan status kecemasan hendaklah disahkan oleh pakar perubatan hospital/ klinik swasta yang merawat.

- b) Sekiranya jarak di antara tempat kejadian kecemasan dengan hospital/ klinik swasta dan hospital/ klinik Kerajaan adalah sama, pesakit hendaklah mendapatkan rawatan di hospital/ klinik kerajaan.

Kos yang ditanggung:

- i. Kos rawatan bagi tempoh kecemasan sehingga pesakit stabil dan boleh dipindahkan ke hospital/ klinik Kerajaan
 - ii. Bayaran wad dan makanan sebanyak 80%
- c) Permohonan hendaklah disertakan dengan laporan klinikal terperinci daripada pakar perubatan hospital/ klinik swasta yang merawat pesakit.

RAWATAN PENYAKIT BUAH PINGGANG

Kelayakan

- a) Pegawai
- b) Tanggungan
- c) Ibu bapa
- d) Pesara

Rawatan yang ditanggung:

- a) Rawatan perbelanjaan hemodialisis dan Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) di Panel Hemodialisis Universiti atau pusat hemodialisis swasta jika pakar nefrologi kerajaan memperakukan tidak dapat disediakan/dibekalkan oleh hospital/ klinik kerajaan.
- b) Perbelanjaan bagi rawatan hemodialisis di Panel Hemodialisis Universiti atau pusat hemodialisis swasta terhadap kepada perbelanjaan rawatan sahaja dengan had maksimum RM200 untuk setiap sesi rawatan.
- c) Pembedahan Arterio-Venous Fistula (AVF) di hospital/ klinik swasta sekiranya dirujuk oleh pakar nefrologi kerajaan.

RAWATAN LUAR NEGARA

Kelayakan

- a) Pegawai
- b) Tanggungan
- c) Pesara

Syarat permohonan

- a) Disahkan oleh Lembaga Perubatan sebagai memerlukan rawatan khas yang tidak dapat diperolehi di dalam negara.
- b) Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia memperakukan bahawa rawatan khas yang diperlukan oleh pesakit tiada pada Kerajaan.
- c) Permohonan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jemaah Pegawai bagi Rawatan di Luar Negara.

KEMUDAHAN RAWATAN PERGIGIAN

Kelayakan

- a) Pegawai
- b) Tanggungan

Rawatan yang ditanggung

- a) Rawatan pergigian dengan peruntukan RM500.00 setahun untuk satu keluarga dengan pecahan RM300.00 di klinik swasta dan RM200.00 di Pusat Kesihatan Universiti.
- b) Sekiranya kedua-dua pasangan suami isteri adalah merupakan pegawai UPM, hanya suami sahaja dibenarkan untuk membuat tuntutan kerana kelayakan tersebut adalah merujuk kepada satu keluarga.

Rawatan yang tidak ditanggung

- a) Gigi palsu
- b) Untuk tujuan kosmetik

PEMERIKSAAN KESIHATAN YANG DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI

Kelayakan

Pegawai bertaraf tetap, sementara dan kontrak sahaja

Tujuan

- a) Pelantikan baru
- b) Melanjutkan pelajaran di dalam atau luar negara sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Biasiswa dan Cuti Belajar UPM.
- c) Menghadiri kursus/ latihan yang diluluskan yang pesertanya dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan.
- d) Pemeriksaan kesihatan yang dijalani atas arahan universiti atau dengan kelulusan Naib Canselor.
- e) Pemeriksaan kesihatan yang dijalani atas arahan universiti atau kelulusan Naib Canselor
- f) Pemeriksaan kesihatan untuk pegawai berumur 40 tahun ke atas terhad di klinik kesihatan kerajaan dan Pusat Kesihatan Universiti.

RAWATAN PESAKIT LUAR DI KLINIK SWASTA BUKAN PANEL

Kelayakan

- a) Pegawai
- b) Tanggungan

Syarat

- a) Hanya jika klinik/ hospital kerajaan atau klinik panel UPM tidak dapat dihubungi atau tidak berada dalam lingkungan 25km dari tempat pegawai/ tanggungan berada.
- b) Rawatan seperti yang disediakan oleh klinik panel.
- c) Tuntutan terhadap kepada RM45 sahaja untuk sekali rawatan.

URUSAN PERSENDIRIAN DI LUAR NEGARA

Kelayakan

Pegawai sahaja

Tujuan

Universiti memberi kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai yang berada di luar negara atas urusan persendirian dengan bayaran premium dari syarikat insurans terpilih, ditanggung oleh Universiti.

Syarat

- a) Pegawai yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak
- b) Terhadap kepada diri pegawai sahaja
- c) Terhadap kepada sekali dalam setiap tahun kalendar dan tempoh lawatan tidak melebihi 31 hari mula tarikh bertolak dari Malaysia.

LAPORAN STATUS RAWATAN PERUBATAN STAF UPM 2015

NILAI BEKALAN UBAT PENYAKIT KRONIK BAGI TAHUN 2015 & 2014 KEPADA STAF

Pada tahun 2015, Pusat Kesihatan Universiti telah membekalkan ubat kronik bernilai RM 2,700,202.40 kepada staf UPM yang datang mendapatkan rawatan penyakit kronik.

TAHUN	JUMLAH (RM)
2015	2,700,202.40
2014	2,966,118.00
PERBANDINGAN (%)	-265,915.60 (-7.0)

BILANGAN STAF YANG DIMASUKKAN KE HOSPITAL (WAD)

KATEGORI	BILANGAN	
	2015	2014
P & P	143	63
SOKONGAN	211	146
JUMLAH	354	209

BILANGAN STAF YANG BERMASALAH MENTAL (DATA PKU & PEJABAT PENDAFTAR)

KATEGORI	BILANGAN	BILANGAN
	2015	2014
P & P	5	4
SOKONGAN	9	5
JUMLAH	14	9

BILANGAN KES KANSER STAF TAHUN 2015 (DATA PKU & PEJABAT PENDAFTAR)

KATEGORI	PESAKIT SEDIA ADA	KES BAHARU	BERSARA	MENINGGAL DUNIA	JUMLAH KESELURUHAN
P & P	11	4	4	1	10
SOKONGAN	8	3	1	2	8

JUMLAH KOS RAWATAN PERUBATAN STAF DAN TANGGUNGAN 2015

TEMPAT RAWATAN	KOS (RM) 2015
PKU	9,579,288.66
KLINIK PANEL	3,333,446.74
HOSP. KERAJAAN	150,140.30
RAWATAN DIALISIS	651,992.29
IJN	1,117,699.40
LAIN-LAIN TUNTUTAN PERUBATAN **	1,197,450.32
JUMLAH	16,030,017.71

TUNTUTAN RAWATAN PERGIGIAN

UPM memperuntukkan sebanyak RM500.00 (RM300.00 di klinik swasta dan RM200.00 di PKU) per keluarga setahun untuk rawatan pergigian. Jadual di bawah menunjukkan jumlah kos rawatan pergigian staf UPM pada tahun 2015:

KATEGORI PERKARA	JUMLAH			
	2015		2014	
	PKU	SWASTA	PKU	SWASTA
TUNTUTAN RAWATAN PERGIGIAN (RM)	37,451.40	527,905.40	22,405.60	279,047.84
JUMLAH (RM)	565,356.80		301,453.44	

Pecahan mengikut kategori staf:

KATEGORI PERKARA	P & P		SOKONGAN	
	PKU	SWASTA	PKU	SWASTA
TUNTUTAN RAWATAN PERGIGIAN (RM)	16,284.20	248,899.00	21,167.20	279,006.40
JUMLAH (RM)	265,183.20		300,173.60	

KESIMPULAN

- Pada tahun 2015, kekerapan staf dan tanggungan mendapat rawatan di PKU, klinik panel dan hospital adalah sebanyak 108,017 kali. Penurunan sebanyak 6.3% berbanding tahun 2014 (115,278 kali).
- Dari jumlah keseluruhan staf (6,208 orang), seramai 4,223 (68.0%) orang pernah mendapatkan rawatan di PKU dengan kekerapan sekurang-kurangnya satu kali.
- Seramai 1,302 orang staf UPM (21%) dari jumlah keseluruhan staf tahun 2015 telah dikenalpasti menghidap penyakit kronik dan mendapat rawatan di PKU.
- Berdasarkan sijil cuti sakit yang direkodkan oleh Pejabat Pendaftar, didapati sebanyak 15,283 sijil cuti sakit telah dikeluarkan pada tahun 2015. Manakala bagi bilangan hari yang terlibat adalah sebanyak 28,343 hari. Pemantauan yang rapi dan perhatian diberi kepada staf yang dikenalpasti kerap mengambil cuti sakit untuk membantu dan menasihati mereka.

- Jumlah keseluruhan perbelanjaan perubatan 2015 yang merangkumi perbelanjaan untuk staf dan tanggungan adalah sebanyak RM 16,030,017.71. Berdasarkan kos tersebut, purata kos rawatan perubatan untuk per staf adalah sebanyak RM 2,582.16 setahun.
- Kos rawatan perubatan adalah tinggi, dicadangkan warga kampus mengamalkan gaya hidup sihat dengan melibatkan diri dalam aktiviti fizikal. Rawatan pergigian pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 565,356.80. Terdapat peningkatan sebanyak RM 263,903.36 iaitu 87.5% berbanding tahun 2014 (RM 301,453.44).
- Rawatan pergigian pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 565,356.80. Terdapat peningkatan sebanyak RM 263,903.36 iaitu 87.5% berbanding tahun 2014 (RM 301,453.44).

➤ **Sumber Laporan : PKU & Pejabat Pendaftar 2015**

SEKIAN TERIMA KASIH

ABDUL RAHIM BIN UTAR

Ketua Seksyen Perubatan dan Perhubungan Pekerja

Pejabat Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Tel: 03-89471556/ 03-89471567